

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

19. Sila nyatakan lot RIBI yang telah disediakan oleh kerajaan di SPS.
- (a) Apakah garis panduan untuk persatuan buat permohonan lot RIBI?
 - (b) Sila nyatakan harga untuk sekaki persegi bagi tanah lot RIBI yang disediakan di SPU, SPT dan SPS.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Sehingga 31 Disember 2019, terdapat 14 lot bagi permohonan tapak RIBI yang disediakan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Daripada jumlah tersebut, 3 lot RIBI terletak di Daerah Seberang Perai Selatan seperti perincian di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, terdapat tanah seluas 50 ekar untuk tujuan RIBI yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) secara jualan dan berperingkat mengikut fasa pembangunan.

Buat masa ini, tapak yang dikenalpasti untuk pembangunan RIBI secara jualan masih di peringkat kerja-kerja pecah tanah dan susun atur.

- (a) Garis panduan untuk persatuan membuat permohonan lot RIBI adalah seperti berikut:

- (i) Permohonan tapak lot RIBI hendaklah dibuat melalui permohonan rasmi kepada MBPP, MBSP, CMI, atau PDC sebagai pemegang amanah tapak RIBI di bawah Kerajaan Negeri untuk disewa/dijual kepada mana-mana persatuan dan penganut agama selain agama Islam yang berminat.
 - (ii) Setelah permohonan diterima oleh agensi tersebut, ianya akan diangkat beserta senarai pemohon ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI yang diurussetiakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang dan dipengerusikan oleh YB. Pengurus Jawatankuasa MMK Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa untuk mendapat perakuan dan kelulusan.
- (b) Bagi tapak lot RIBI dibawah MBPP, MBSP dan CMI hanya di benarkan untuk disewa/dipajak selama 10 tahun + 10 tahun dengan kadar pajakan sebanyak RM600 setahun bagi satu tapak RIBI. Manakala tapak lot RIBI dibawah PDC dijual mengikut harga pasaran tanah.

LAMPIRAN A**SENARAI TAPAK-TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**
MILIK MBSP DI SPS

BIL	SKIM / NAMA TAMAN	NAMA JALAN	KEDUDUKAN / LOKASI	NO LOT	MUKIM	DAERAH	LUAS TANAH	STATUS TAPAK
1	TAMAN TANGLING INDAH	LORONG BELIBIS 33	SIMPANG AMPAT	21787	15	SPS	72 MP @ 775.00 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
2	TAMAN HIJAUAN VALDOR	LORONG HIJAUAN VALDOR 34	VALDOR	PT 1315	15	SPS	245 MP @ 2,637.15 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
3	TAMAN HIJAUAN VALDOR	JALAN HIJAUAN VALDOR 2	VALDOR	PT 811 (22536)	15	SPS	316 MP @ 3,401.39	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN